

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(77)

Tarikh : 17 Februari 2023

## KENYATAAN MEDIA

### FUNIKULAR BUKIT BENDERA DIBALUT BAGI MEMPERINGATI SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-100

#### *Wajah Baharu Koc Pinang Dan Mutiara Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-100*

Sistem funikular Bukit Bendera meraikan satu peristiwa penting pada tahun 2023 – 100 tahun transformasi. Sistem funikular berusia satu abad yang dibina dan disiapkan oleh Arnold Robert Johnson (1879-1966), seorang jurutera Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1923 adalah satu warisan funikular buatan Eropah yang unik. Tidak dinafikan ia adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara dan ia masih kekal sehingga ke hari ini walaupun selepas satu abad.

“Jika ia bukan landasan funikular bukit yang terbaik di dunia, ia masih merupakan salah satu landasan funikular terbaik” dipetik dari ucapan Tuan Yang Terutama Gabenor, Sir Laurence Nunns Guillemard pada pembukaan secara rasmi Funikular Bukit Bendera pada 1 Januari 1924.

Mengimbau kembali zaman awal Bukit Bendera, cara untuk mendaki Bukit Bendera terbukti menjadi cabaran ketika itu, dengan laluan naik ke Bukit Bendera adalah dengan berjalan kaki, menggunakan tunggangan kuda atau *doolies*. Ia secara tidak langsung menunjukkan pencapaian kejuruteraan yang menakjubkan bagi funikular Bukit Bendera dengan membawa ramai tetamu kenamaan dan pengunjung termasuk mending Ratu Elizabeth II, Maharaja dan Permaisuri Jepun, Putera Kemboja selain penduduk dan pekerja di Bukit Bendera.

Sejak pembukaan funikular Bukit Bendera pada 21 Oktober 1923, ia telah membawa lebih 47 juta pengunjung. Bagi tahun 2022, seramai 1.48 juta pengunjung menggunakan perkhidmatan funikular Bukit Bendera. Funikular semasa, iaitu funikular generasi ketiga juga telah melakukan perjalanan lebih daripada 275,000 dan melebihi 550,000 km sejak sedekad lalu selepas ia menggantikan funikular generasi kedua pada April 2011.

“Koc funikular mungkin telah berubah secara fizikal daripada generasi pertama kepada generasi ketiga tetapi warisan sejarah, nilai sosio-ekonomi dan kepentingannya masih kekal, sesuai dengan statusnya sebagai salah satu ikon

sejarah Pulau Pinang,” kata YAB Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP).

PBBPP telah membalut kedua-dua koc funikular generasi ketiga; 'Pinang' dan 'Mutiara' dengan pelekat logo sambutan ulang tahun ke-100 beserta tagline "100 Tahun Transformasi" dan grafik. Ia akan menjadi wajah baharu bagi koc Pinang dan Mutiara sempena sambutan ulang tahun ke-100 itu.

'Funikular yang dibalut membawa mesej 100 tahun yang menonjol bagi pengunjung melihat dan mengingati, sekali gus meraikannya bersama-sama. Intipati sambutan ulang tahun ke-100 itu adalah bagi meningkatkan penghargaan pengunjung terhadap sejarah funikular dan transformasi sosial ekonomi yang dicipta sejak abad lalu,” tambah Chow.

Bagi mencapai matlamat ini, PBBPP akan menganjurkan beberapa siri acara dan aktiviti seperti pameran, pelancaran buku, video dokumentari, peraduan media sosial, promosi oleh penyewa gerai di Bukit Bendera dan barangan edisi khas. Selain itu, tiket *fastlane* funikular Bukit Bendera edisi khas adalah tiket yang boleh disimpan sebagai kenangan dan peringatan kepada sambutan ulang tahun ke-100 tahun ini telah tersedia untuk orang ramai.

Selain itu, lebih banyak kejutan menarik dan acara utama yang dinanti-nantikan akan berlangsung sepanjang tahun 2023 yang menjanjikan lebih banyak kenangan dan pengalaman seperti *Penang Hill Festival*, *Penang Hill Heritage Forest Challenge* dan *Trash Free Hill*.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

## Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wlim@penanghill.gov.my](mailto:wlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)